

# **YAYASAN ZULFAQAR UPNM**

UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (P.U.(A) 400)  
NO.PENDAFTARAN: PPAB-15/2020

## **IKLAN JAWATAN KOSONG**

Yayasan Zulfaqar UPNM telah ditubuhkan pada 6 Mei 2020 di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [AKTA 258] ingin mempelawa calon yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan yang seperti berikut:

### **Eksekutif**

#### **Skop dan tanggungjawab :**

- Bertanggungjawab kepada Lembaga Pemegang Amanah terhadap pengurusan dan operasi yayasan.
- Bertanggungjawab melaksanakan dasar-dasar, peraturan dan perancangan korporat yang telah dipersetujui oleh Lembaga Pemegang Amanah.
- Memastikan visi dan misi yayasan tercapai.
- Merencana dan melaksanakan rancangan jangka pendek dan jangka panjang yayasan.
- Memastikan keberkesanan amalan tadbir urus yang baik termasuk pengurusan kewangan yang efektif dan berhemah.
- Merancang dan menilai keupayaan sumber manusia yang sedia ada.
- Menyediakan bajet tahunan yayasan.
- Melaksana dan memantau kerja setiap projek/ program yayasan.
- Menganalisa kerja-kerja yang dilaksanakan.
- Mengatur dan menyelaras mesyuarat-mesyuarat, perbincangan, lawatan, taklimat, kunjungan hormat yang melibatkan Lembaga Pemegang Amanah.
- Melapor Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yayasan dan mencadang penambahbaikan (jika perlu).
- Menyedia Penyata Akaun Tahunan yayasan.
- Memastikan aspek pematuhan yayasan selaras dengan peraturan-peraturan dan undang-undang sedia ada.
- Komunikasi dengan pemegang taruh dan pelanggan.
- Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Lembaga Pemegang Amanah dari masa ke semasa.

**Kelayakan :**

- Warganegara Malaysia.
- Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian daripada institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh kerajaan di dalam bidang kewangan, perakaunan, pengurusan perniagaan atau bidang-bidang lain yang berkaitan. Calon-calon yang memegang Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan adalah satu kelebihan.
- Minimum 1 tahun pengalaman di dalam pengurusan dan pentadbiran.
- Mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang tinggi, keusahawanan, pemikiran strategik serta kompetensi di dalam pengurusan organisasi.

**Gaji Bulanan (Anggaran):**

- RM2,500.00 – RM3,000.00

**Cara Memohon:**

- Permohonan hendaklah dibuat dengan menghantar resume yang lengkap kepada ;

**Yayasan Zulfaqar UPNM  
D/A Pejabat Bendahari  
Aras 1, Bangunan Bestari,  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia,  
Kem Perdana Sg. Besi,  
57000 Kuala Lumpur.**

Atau melalui email ke alamat [sitimaisarah@upnm.edu.my](mailto:sitimaisarah@upnm.edu.my)

- Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil berkaitan yang diakui sah beserta sekeping gambar berukuran pasport terbaharu.
- Tarikh tutup permohonan adalah pada **1 Julai 2022 (Jumaat)**.

**PERHATIAN**

Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.